

SH 14/1/2019 m/s 35

# Musim buru udang harimau

*Nelayan tetap ke laut walaupun cuaca tidak menentu serta laut bergelora*

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

**W**alaupun sepanjang musim tengkujuh menyebabkan cuaca tidak menentu serta keadaan laut bergelora, nelayan di negeri ini masih tetap ke laut mencari rezeki.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu

(Penentu), Mat Yassim Mohamed berkata, musim tengkujuh bukanlah ancaman bagi nelayan untuk keluar mencari rezeki.

Menurutnya, nelayan juga lebih menggemari musim tengkujuh disebabkan rezeki udang harimau banyak bermula bulan ini dan dijangka lebih banyak menjelang Tahun Baharu Cina.

"Sudah menjadi lumrah jika laut bergelora ikan kurang, namun pendapatan setengah nelayan tidak terjejas kerana ketika musim tengkujuh begini, nelayan ke laut menangkap udang.

"Kita mengakui hasil ikan memang berkurangan bagi nelayan namun hasil udang akan meningkat kerana mu-



MAT YASSIM

sim tengkujuh udang banyak," katanya ketika ditemui Sinar Harian, semalam.

Perairan Marang juga dikatakan terkenal dengan udang harimau yang segar kerana spesies udang berkenaan gemar bermain di ka-

wasan pantai di daerah ini yang kini menjadi buruan nelayan.

Bagaimanapun kata Mat Yassim, tangkapan udang tahun ini agak berkurangan berbanding dalam tempoh sama tahun lalu berikutan kesan ribut Tropika Pabuk melanda perairan negara.

Menurutnya, keadaan itu dijangka akan berubah dalam tempoh terdekat ini sekali gus dapat memberi pendapatan yang baik kepada nelayan yang terlibat dalam aktiviti itu.

"Udang jenis ini dapat dijual pada harga mencecah RM120 sekilogram dan ini akan dapat memberikan pendapatan yang baik kepada nelayan terlibat dalam aktiviti ini," katanya.